

## MASING<sup>2</sup> TAK TENTU ARAH UNTUK BERTANDING DALAM PILIHANRAYA INI — MAHATHIR

# Barisan pembangkang 'parti cacca-marba'

UM 13 OCT 1990 (P)  
**KUALA LUMPUR 12 Okt.**  
— Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan barisan pembangkang sebagai "parti cacca-marba" yang sudah tidak tentu arah kerana sanggup bertukar parti dan simbol sesama mereka untuk bertanding dalam pilihanraya umum ini.

Perdana Menteri berkata jika barisan pembangkang hendak menjadi alternatif kepada Barisan Nasional mereka hendaklah membuat keputusan yang jelas dan "bukannya meletakkan orang Pas yang masuk HAMIM dan bertanding pakai simbol Semangat 46 untuk menentang saya."

"Ini ada sesetengah tempat pakai simbol Semangat 46 dan sesetengah tempat pakai DAP, dia tidak tahu apa," katanya.

Beliau menyatakan demikian ketika menjawab soalan para wartawan selepas melancarkan Manifesto Barisan Nasional di ibu pejabat UMNO di sini hari ini.

"Cacca-marba" ialah bahasa yang digunakan oleh orang-orang di utara yang mengikut kamus Dewan bermaksud bercampur-aduk dan berbaur."

Perdana Menteri yang ditanya sama ada Baris-

Oleh  
**Rosli Ismail, Badrul Hisham  
Aziz  
dan Aziz Ishak**

an Nasional yakin dapat mengekalkan majoriti dua pertiga dalam pilihanraya umum ini berkata, "kita akan dapat dua pertiga itu kerana kita lawan dengan parti cacca-marba... parti rojak."

Dato' Sri Dr. Mahathir langsung merujuk kepada langkah kalangan calon barisan pembangkang yang menggunakan simbol parti lain untuk bertanding dalam pilihanraya ini.

Sekalipun tidak menyebut nama-nama calon berkenaan beliau jelas merujuk kepada Dato' Sudin Wahab, seorang bekas ahli Pas yang masuk HAMIM dan bertanding dengannya di kawasan Parlimen Kubang Pasu dengan menggunakan simbol Semangat 46.

Seorang lagi calon pembangkang, Presiden Barisan Progresif India Semalaysia (IPF), Encik M. G. Pandithan yang bertanding di kawasan Parlimen Teluk Intan menggunakan simbol DAP.

"Kenalah buat keputusan dengan betul jika nak jadi alternatif Barisan Nasional. Ini nampaknya tidak tentu arah," ujarnya.

Serentak dengan itu beliau berkata, tindakan barisan pembangkang membentuk Gagasan Rakyat untuk memberi gambaran Pas dan DAP tidak bekerjasama adalah satu pembohongan dan

**LIHAT MUKA 2**

## BARISAN PEMBANGKANG 'PARTI CACA-MARBA'

sandiwara. **UM 13 OCT 1990**

Ini, kata Perdana Menteri, kerana dalam penamaan calon semalam adalah didapati di tempat - tempat DAP bertanding Pas tidak bertanding dan di mana Pas bertanding DAP tidak.

"Ini bermakna Pas sokong calon DAP dan sebaliknya. Tetapi mereka tidak mahu orang - orang mereka tahu."

"Mereka takut kalau DAP kawan dengan Pas dan Semangat 46, maka orang - orang Cina tidak akan sokong. Jadi mereka hendak sembunyi."

"Sebaliknya. Pas kata tak kerjasama dengan DAP kerana takut orang Melayu tidak sokong," katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata isu pengguguran istilah "negara Islam" dalam manifesto Pas adalah salah satu usaha untuk mengelirukan rakyat.

Katanya, langkah Pas membuat kenyataan dalam akhbar berbahasa Cina memberitahu mereka menggugurkan negara Islam dalam manifesto itu dan kemudiannya menafikannya dalam akhbar berbahasa Malaysia adalah strategi mereka.

Baru - baru ini Ketua Penerangan Pas Pusat, Haji Subky Latif telah menafikan beliau ada ditemui oleh para wartawan dan membuat kenyataan mengenai pengguguran negara Islam setelah ia disiarkan sebagai berita utama di dua buah akhbar tempatan.

Di samping itu, dua buah akhbar berbahasa Cina telah menyiarkan berita sama yang memetik beliau sebagai orang yang membuat kenyataan berkenaan.

Ditanya sama ada barisan pembangkang mampu menjadi kerajaan alternatif kepada Barisan Nasional, sambil tersenyum Perdana Menteri berkata, "Saya tidak nampak mereka boleh jadi alternatif, belum apa - apa sudah tidak boleh bercakap."

"Bayangkan Tengku Razaleigh mempengerusi mesyuarat kabinet, Pas pandang sebelah lain dan DAP pandang sebelah lain."

"Ataupun pakai dua bilik, lepas habis sini pergi tanya sana. Pas kata kita sokong Saddam Hussein, DAP kata tak sokong Saddam Hussein."

"Macam - macamlah kerana Pas memihak dalam krisis Teluk tetapi kita tidak," ujarnya.

Ditanya mengenai langkah barisan pembangkang meletakkan calon bertanding menentang Barisan Nasional di hampir kesemua kerusi Parlimen dan Dewan Negeri, beliau berkata "Ini baik kerana ada pertandingan bagi hak kepada rakyat untuk pilih calon."

"Kita terima baik ada pertandingan."